

14/09/2003

`Bukti kerajaan utama pendidikan'

KUALA TERENGGANU: Pengurangan kadar faedah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti diumumkan kerajaan melalui Bajet 2004 membuktikan kerajaan memberi keutamaan kepada pendidikan, iaitu faktor terpenting untuk membina tamadun serta kemajuan negara.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata kesediaan kerajaan memberi kelonggaran kepada peminjam untuk menjelaskan bayaran pinjaman selepas tiga tahun bekerja membuktikan bahawa Bajet 2004 ialah bajet mesra pelajar.

Katanya, pelajar yang mendapat kemudahan pinjaman melalui tabung itu bagi menampung bayaran untuk melanjutkan pengajian harus bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana bersetuju menyusun semula bayaran ansuran pinjaman.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) juga adalah kerajaan pertama di Asia membela nasib golongan Orang Kurang Upaya (OKU), terutama pelajar sekolah rendah dan menengah apabila bersetuju memberi elaun bulanan sebanyak RM25," katanya, ketika dihubungi, semalam.

Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004, kelmarin berkata, kerajaan bersetuju mengurangkan kadar faedah pinjaman melalui PTPTN daripada empat peratus kepada tiga peratus, selain memberi elaun sebanyak RM300 seorang kepada pelajar kurang upaya cacat pendengaran yang sedang melanjutkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Idris berkata, diskaun 20 peratus diberikan kerajaan kepada golongan OKU untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah, membuktikan kesungguhan kerajaan melihat golongan itu memiliki kediaman sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya bantuan kerajaan.